

**NO. SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]**

**RUJUKAN : 8707**

**SOALAN:**

**Dato' Othman bin Aziz [ Jerlun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan strategi Kementerian bagi memastikan anggota keselamatan negara ini mempunyai tahap kesihatan yang baik agar tidak mengganggu kelancaran tugas ekoran laporan masalah obesiti dalam kalangan anggota keselamatan.

## **JAWAPAN:**

**Pihak PDRM sentiasa menggalakkan anggotanya mengamalkan cara hidup yang sihat untuk kelihatan segar dan mengelakkan daripada mengalami penyakit seperti sakit jantung, darah tinggi dan kencing manis serta mengawal daripada menjadi obes atau gemuk.**

**Antara strategi PDRM dalam memastikan pegawai polis di negara ini mempunyai tahap kesihatan yang baik agar tidak mengganggu kelancaran tugas ekoran masalah obesiti seperti berikut:-**

### **1. Pelaksanaan Program Gaya Hidup Sihat**

**Arahan pelaksanaan program ini telah dikeluarkan mengikut Arahan Pentadbiran Bilangan 8/2011 pada 29 April 2011 dan Bilangan 2/2016 bertarikh 12 Februari 2016. Cara pelaksanaan sebagaimana dalam Arahan Pentadbiran Bilangan 2/2016 bertarikh 12 Februari 2016 adalah seperti berikut :-**

- a. Mengadakan aktiviti riadah dan sukan terancang di peringkat kontinjen/ brigid / formasi / daerah pada setiap hari Jumaat mulai jam 3.00 petang hingga 5.00 petang secara berkala dan berterusan atau pada hari Khamis atau mengikut kesesuaian hari;**

- b. Aktiviti yang digalakkan adalah seperti latihan jasmani (senaman regangan), berbasikal, senamrobik, zumba, jogging dan lain-lain aktiviti berkumpulan untuk meningkatkan *cardiovascular*, *muscular strength* dan *body flexibility*;**
- c. Aktiviti gotong-royong berkonsepkan “hijau” atau *go green* bagi tujuan membudayakan gaya hidup sihat dan bersih di persekitaran tempat kerja warga PDRM; dan**
- d. Membudayakan amalan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian dengan melakukan aktiviti-aktiviti secara persendirian atau bersama keluarga selama 45 minit setiap hari sekurang-kurangnya 3 kali seminggu.**

## **2. Pelaksanaan Program *Trim and Fit***

**Program ini adalah kerjasama di antara PDRM dengan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Tempoh masa program adalah selama enam bulan. Peserta program adalah dalam kalangan pegawai polis yang obes yang bertugas di Jabatan Pengurusan dan program ini akan diperluaskan ke seluruh kontinjen / brigid / formasi.**

**Objektif program adalah:-**

- a. **Menggalakkan dan membantu pegawai polis yang obes Indeks Jisim Tubuh (melebihi 27.5 kg/m<sup>2</sup>) untuk menurunkan berat badan agar menjamin kesihatan, dan mengelakkan daripada menghadapi pelbagai penyakit akibat daripada obesiti.**
- b. **Hasil daripada program rintis ini akan dijadikan sebagai garis panduan bagi pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat dalam Skim Perkhidmatan PDRM;**
- d. **Mengamalkan gaya hidup sihat supaya dapat meningkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti;**
- d. **Meningkatkan keterampilan polis terutamanya yang bertugas *front liner* agar dapat memberikan imej yang positif.**

**Cara pelaksanaan adalah:-**

- a. **Aktiviti senaman di *gimnasium*.**
- b. **Aktiviti fizikal seperti berkayak, zumba akuarobik, mendaki gunung, berbasikal dan lain-lain lagi.**
- c. **Ceramah pemakanan.**
- d. **Ceramah melakukan senaman di rumah.**
- e. **Rundingcara pemakanan.**

**Disamping kursus yang dianjurkan, bagi pegawai yang berumur 40 tahun ke atas dikehendaki membuat pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya sekali setiap tahun selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Dengan langkah yang diambil ini, akan dapat mengurangkan masalah obesiti dalam kalangan anggota polis dan dapat menjamin setiap anggota polis berada dalam keadaan yang sihat serta dapat menjalankan tugas tanpa sebarang gangguan kesihatan.**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATO' OTHMAN BIN AZIZ  
[ JERLUN ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**DATO' OTHMAN BIN AZIZ [ JERLUN ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan anak gelandangan yang tercicir dan tidak bersekolah kerana tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dengan peluang dan hak kanak-kanak di Malaysia mendapat pendidikan, termasuk kanak-kanak gelandangan. Bagi mengatasi masalah keciciran dalam kalangan kanak-kanak gelandangan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) khusus untuk kanak-kanak gelandangan pada bulan Ogos 2013.

Penubuhan SBJK adalah satu inisiatif KPM terhadap keperluan meneruskan usaha memberikan akses pendidikan kepada kanak-kanak

gelandangan di sekitar Kuala Lumpur yang merupakan salah satu daripada kumpulan kanak-kanak terpinggir di negara ini. SBJK menyediakan perkhidmatan pendidikan formal dengan modifikasi daripada segi kurikulum dan pengoperasian sekolah yang bersesuaian dengan keadaan setempat, situasi serta kebajikan kanak-kanak gelandangan. Pada masa ini KPM sedang dalam usaha untuk menyediakan asrama di sekolah tersebut dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan anak gelandangan yang tercicir dan tidak bersekolah kerana tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap.

Selain daripada itu, KPM juga menyediakan pelbagai bentuk bantuan pendidikan kepada murid daripada keluarga miskin dan golongan yang berpendapatan rendah di semua sekolah di bawah KPM. Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk memastikan semua murid berupaya mendapat peluang pendidikan sama seperti rakan-rakan mereka yang berkemampuan tanpa mengira bangsa, agama dan negeri. Pada masa kini, KPM telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan persekolahan kepada murid miskin seperti bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu 1Malaysia (PS1M), Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform (BPS), Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU).